



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

2 Julai 2019

1. Anjing gigit kanak-kanak dipantau 14 hari; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Setempat	<input type="text" value="14"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
2.7.2019			

Anjing gigit kanak-kanak dipantau 14 hari

Johor Bahru: Anjing jenis campuran 'Pitbull' yang dipercayai menggigit seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun hingga parah di Taman Makmur, Endau, Mersing, Khamis lalu, akan dipantau dalam tempoh 14 hari.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Johor, Dr Aida Muhid berkata, pihaknya hanya mengeluarkan notis kepada pemilik untuk kuarantin anjing Pitbull itu mulai 28 Jun hingga 11 Julai ini bagi mengesan tanda klinikal rabies.

Katanya, pada masa sama, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Johor menasihatkan pemilik bagi mendapatkan lesen untuk memelihara haiwan terbabat.

"Bagi mendapatkan lesen, anjing perlulah dihantar ke klinik haiwan untuk pemeriksaan Doktor Veterinar dan diberi vaksin berjadual bagi menjamin kesihatan anjing seperti ditetapkan.

"Tambahan, anjing itu tidak boleh dipindah serta perlu diikat atau dikurung di dalam kawasan rumah.



"Jika dalam tempoh pemantauan 14 hari itu ada tanda klinikal rabies, baru kita akan ambil sampel untuk menjalankan ujian lanjut," katanya.

Aida berkata, vaksin bagi rabies memang sudah wujud, bagaimanapun, pemvaksinan untuk rabies hanya dilaksanakan di kawasan 'immune belt' di utara Semenanjung iaitu Kedah, Pulau Pinang dan utara Perak bagi mengekang rebakan penya-

kit rabies dari negara jiran iaitu Thailand yang endemik untuk penyakit rabies.

"Immune belt adalah 'buffer' untuk mengelak kemasukan virus dalam group (kumpulan) anjing ke dalam anjing di Malaysia.

"Endemik adalah merujuk kepada penyakit yang sentiasa wujud setiap tahun dan belum dibasmi atau dibebaskan dari negara berkenaan," katanya.

Sementara itu, Yang Di-

pertua Majlis Daerah Mersing, Norazmi Amir Hamzah, berkata tindakan akan diambil berdasarkan Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Daerah Mersing) 2003.

"Masih siasat lagi sebab menurut laporan, anjing tu di dalam compound (kawasan) tuan punya rumah, jika sabit kesalahan, denda akan dikenakan tidak melebihi RMI,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-dua sekali," katanya.

Terdahulu, dalam kejadian jam 7.30 malam itu, mangsa diserang ketika bermain di kediaman jirannya.

Ketua Polis Daerah Mersing, Superintendan Cyril Edward Nuing, berkata kejadian itu dipercayai berlaku selepas tali rantai pengikat anjing berkenaan tercabut menyebabkan haiwan itu terlepas dan menyerang mangsa.

Katanya, anjing baka campuran itu kemudian menggigit muka serta beberapa bahagian badan mangsa.